

09 JUN 2003

Mahathir-NGO

PM MINTA NGO TIDAK MENYIMPANG DARIPADA TUJUAN PENUBUHANNYA

PUTRAJAYA, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu bertindak positif dan tidak menyimpang daripada tujuan asal penubuhannya serta menggunakan bantuan dengan cekap dan mengikut peraturan.

Perdana Menteri berharap NGO terus membantu dan menjadi pelengkap kepada program kerajaan dalam membantu golongan yang memerlukan.

Beliau mengajak NGO untuk berganding bahu dengan kerajaan dalam membanteras gejala sosial.

Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai program serta kemudahan sosial dan kemasyarakatan, namun berita mengenai kes sumbang mahram, rogol, rompak, pengedaran VCD lucah dan cetak rompak, vandalisme, keganasan rumahtangga dan pelbagai lagi masih belum reda.

"Di sinilah saya dapati peranan dan sumbangan badan-badan NGO begitu penting," katanya ketika merasmikan sesi ketiga majlis Dialog Bajet 2004, di Kementerian Kewangan di sini.

Beliau berkata dalam usaha memerangi gejala sosial, kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar untuk memulihkan penagih dadah dan menyara banduan.

Dr Mahathir berkata beliau menyanjung tinggi peranan NGO yang sanggup berkhidmat untuk masyarakat secara sukarela. Semangat begini, katanya, perlu dipupuk di kalangan masyarakat.

Sambil meminta pihak swasta supaya memainkan peranan lebih aktif dalam tugas kemasyarakatan, Perdana Menteri menyambut baik langkah syarikat swasta yang menubuhkan badan atau persatuan kebajikan sukan dan keluarga di pertubuhan masing-masing.

Menurut Perdana Menteri ini mencerminkan keprihatinan majikan dalam menjaga kebajikan pekerja.

"Namun begitu, kita masih mengharapkan organisasi swasta untuk memberi sumbangan daripada segi kewangan, tajaan dan juga sukarelawan dalam kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan," katanya.

Dr Mahathir berkata pada tahun ini hampir separuh atau lebih RM16 bilion daripada perbelanjaan pembangunan dikhaskan kepada projek-projek sosial meliputi pembinaan sekolah, hospital dan klinik, jalan luar bandar dan perumahan untuk rakyat.

Menurutnya, ini adalah bukti program pembangunan sosial terus menjadi agenda penting dalam setiap rancangan pembangunan yang digubal oleh kerajaan.

Beliau berkata perangkaan sosio-ekonomi menunjukkan rakyat kini menikmati taraf dan kualiti hidup yang meningkat, baik daripada segi pendapatan per kapita (RM14,000), pariti kuasa beli (PPP) (AS\$8,800), liputan bekalan elektrik (98 peratus) mahupun air luar bandar (93 peratus).

Selain itu, Dr Mahathir berkata pakej strategi baru yang diumumkan pada 21 Mei lepas bertujuan merangsang semula kegiatan ekonomi dan ia perlu dilaksanakan dengan gigih oleh semua pihak supaya objektifnya tercapai.

"Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah ini mampu menjana semula pertumbuhan ekonomi melebihi paras unjuran 4.5 peratus," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan memastikan masyarakat Malaysia terus hidup dalam harmoni dan tidak berpuak-puak.

"Pengalaman telah banyak mengajar kita bahawa perpecahan di kalangan sesuatu bangsa akan melemahkan bangsa itu sendiri dan negara mudah ditawan musuh sama ada dalam bentuk penaklukan secara fizikal, ekonomi atau minda,"

katanya.

-- BERNAMA

MAM MFJ PR